

D314

R B439 AAB
CHOGM - SETIAUSAHA

(I)

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- PEMILIHAN BAGI JAWATAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL BESAR KEMUNGKINAN AKAN DITENTUKAN MELALUI PENGUNDIAN **PADA** MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (**CHOGM**) JIKA PERSETUJUAN RAMAI TIDAK DIPEROLEHI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI **DR MAHATHIR MOHAMAD**, SELAKU Pengerusi **PERSIDANGAN**, SEKALI **LAGI** MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TETAP DENGAN PENDIRIANNYA BERKECUALI DALAM **SOAL** ITU.

+ **KITA** TIDAK KISAH SIAPA PUN JADI SETIAUSAHA AGUNG. **APA** YANG **KITA** MAHU IANYA MENDAPAT **SUARARAMAI**, JIKA TIDAK PENGUNDIAN TERPAKSA **DIJALANKKAN**,+ KATANYA **PADA** PERSIDANGAN AKHBAR PRA-CHOGM **DIPUSAT** DAGANGAN DUNIA PUTRA (**PWTC**)**DISINI**. MESYUARAT **ENAM** HARI ITU AKAN BERMULA RABU **INI**.

DUA **CALON** DIKATAKAN AKAN **MEREBUT** JAWATAN ITU UNTUK MENGGANTIKAN SIR SHRIDATH **RAMPHAL**, YANG BERHASRAT MENGUNDURKAN **DIRI** SELEPAS 15 TAHUN MENGETUAI SEKRETARIAT KOMANWEL.

MEREKA IALAH TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG **KOMANWEL**, CHIEF EMEKA ANYAOKU **DARI** NIGERIA DAN BEKAS **PERDANA** MENTERI AUSTRALIA, MALCOLM FRASER.

+**PADA** SAAT **INI**, **KITA** TIDAK BOLEH KATA SIAPA MENJADI **PILIHAN** RAMAI. SEBAGAI **PENGERUSI**, **TUGASKITA** IALAH JIKA ADA **PENGUNDIAN**, CUBA MEMPASTIKAN IANYA BERJALAN SEMPURNA DAN **LANCAR**, DAN TERPULANGLAH KEPADA KETUA-KETUA KERAJAAN UNTUK **MENENTUKANNYA**,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. - - **BERNAMA.**

1308MST 16 10 a 9